


# Seminar *Geometric Functions Theory*

Artikel oleh: Aini Janteng



Pada 29 Mei 2012, Seminar *Geometric Functions Theory* anjuran Program Matematik Dengan Ekonomi di bawah Penyelaras Seminar iaitu Puan Chin Su Na telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Tutorial 51, Sekolah Sains & Teknologi. Tujuan penganjuran seminar ini adalah sebagai medan percambahan fikiran dan perkongsian ilmu dikalangan pensyarah dan pelajar untuk mencetus idea-idea baru khususnya di dalam penyelidikan bidang matematik. Ianya telah dihadiri oleh para pensyarah dan pelajar dari Program Matematik Dengan Ekonomi dan Program Matematik Dengan Komputer Grafik.



Di dalam seminar ini, Profesor Dr. Suzeini Abdul Halim dari Institut Sains Matematik, Universiti Malaya selaku pembentang jemputan telah membentangkan kertas kerja beliau bertajuk '*Introduction to Geometric Functions Theory*'. Melalui pembentangan tersebut, Profesor Dr. Suzeini Abdul Halim telah memperkenalkan bidang *Geometric Functions Theory*. Seminar ini juga telah melibatkan pembentangan kertas kerja daripada pelajar pascasiswazah Program Matematik Dengan Ekonomi.